



JURNAL LINGUISTIK Vol. 17(2) Disember. 2013 (70–83)

Remaja dan Penguasaan Leksikal Ilmu Tempatan

Noorul Khairien Abdul Malek, Hasnah Mohamad

nkhairien@yahoo.com, hasnah_m@upm.edu.my

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia

Abstrak

Kajian ini memfokus kepada penguasaan leksikal ilmu tempatan dalam kalangan remaja. Ilmu tempatan dalam kajian ini merujuk kepada leksikal dalam domain kuih tradisional Melayu. Idea tentang kajian ini tercetus memandangkan luntarnya penggunaan bahasa Melayu dalam kalangan remaja disebabkan penyerapan leksikal asing dan juga pembentukan leksikal baharu sebagai wahana komunikasi hasil ciptaan pengguna bahasa yang kreatif. Hal ini pernah disuarakan oleh Awang Sariyan (2007) bahawa keadaan semakin parah apabila generasi muda gagal menguasai bahasa Melayu dan hanya menerimanya sebagai bahasa rasmi seperti yang terkandung dalam kontrak sosial. Selain itu, remaja tidak didedahkan dan tidak mengetahui kewujudan sesuatu leksikal dalam sesuatu domain ilmu tempatan serta tidak memahami maksud leksikal tersebut. Objektif kajian ini adalah untuk menentukan tahap penguasaan kosa kata ilmu tempatan dalam kalangan remaja; dan mengenal pasti mekanisme untuk meningkatkan penguasaan leksikal ilmu tempatan dalam kalangan remaja. Teori Sosiokognitif diterapkan dalam kajian ini bagi menghuraikan perkaitan antara persekitaran dengan pemikiran remaja dalam pemerolehan kosa kata tradisional. Kajian ini menggunakan kaedah kajian lapangan dengan instrumen kajian soal selidik, Skala Ukur Pengetahuan Kosa Kata atau *Vocabulary Knowledge Scale* (VKS) digunakan dalam instrumen temu bual dan ujian Skema Pengecaman Kosa atau *Vocabulary Recognition Task* (VRT) turut digunakan bagi menentukan tahap penguasaan leksikal ilmu tempatan dalam kalangan remaja. Hasil kajian menunjukkan bahawa faktor pengalaman dan persekitaran remaja memberi refleksi kepada kognitif remaja dalam penguasaan sesuatu leksikal. Tahap penguasaan remaja dalam leksikal ilmu tempatan berada pada tahap sederhana dan masih memerlukan mekanisme untuk meningkatkan penguasaan ilmu tempatan dalam kalangan remaja.

Kata kunci: ilmu tempatan, penguasaan leksikal, penyerapan leksikal asing, pembentukan leksikal baharu

Abstract

The study emphasize on lexical command of indigenous knowledge among teenagers. Indigenous knowledge in this study refers to the lexical in the domain of traditional Malay cake (kuih). The idea was triggered due to the reduced usage of bahasa Melayu among teenagers. This happened as a result of foreign lexical absorption as well as the formation of new lexical as a means of communication which was created by the creative language users. According to Awang Sariyan (2007), the situation has worsened when the new generation failed to master bahasa Melayu and accepted it as an official language for it is stated in the social contract. In addition, teenagers are not exposed to the existence of indigenous lexical domain besides not understanding it. The research objectives are to determine the level of command of indigenous lexical knowledge among teenagers and to identify the mechanisms needed to enhance lexical command of indigenous lexical knowledge among teenagers. Socio-cognitive theory applied in this study to describe the relationship between the environment and the teenagers thinking in the acquisition of traditional vocabulary. The study employs a field study using survey instrument. The survey Vocabulary Knowledge Scale (VKS) is used in the interview, whereas the test Vocabulary Recognition Task (VRT) is used to determine the level of command of indigenous lexical knowledge among teenagers. The results showed that the experience and the environmental factors reflect the teenagers cognitive in the lexical proficiency. The level of command of indigenous lexical knowledge is moderate and needed certain mechanism to enhance the mastery of indigenous knowledge amongst the teenagers.

Key words: Indigenous knowledge, lexical acquisition, absorption of foreign lexical, formation of new lexical.

1. Pengenalan

Peredaran zaman menuntut perubahan dalam penguasaan bahasa. Dalam kecenderungan menggunakan leksikal asing yang diserap dalam bahasa Melayu, tanpa disedari kosa kata bahasa Melayu asli perlahan-lahan luput daripada ingatan dan bukan menjadi pilihan lagi dalam komunikasi seharian. Senario ini menjadi kebimbangan kepada kita sebagai bangsa Melayu yang semakin terhakis jati diri dalam berbahasa terutamanya dalam kalangan generasi remaja. Hal ini pernah disuarakan oleh Awang Sariyan (2007) bahawa keadaan semakin parah apabila generasi muda gagal menguasai bahasa Melayu dan hanya menerimanya sebagai bahasa rasmi seperti yang terkandung dalam kontrak sosial. Remaja kini terdedah kepada dunia globalisasi yang menuntut kemodenan dan kemajuan tetapi jauh sekali dalam memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan. Apatah lagi jika remaja kini diminta meneliti setiap kosa kata bahasa Melayu asli berkaitan dengan ilmu tempatan atas tuntutan kajian atau pembelajaran bahasa, sedikit banyak menimbulkan kekusaran kepada mereka kerana tidak menguasainya.

Ilmu tempatan atau tradisional tidak lagi menjadi pilihan remaja dalam kehidupan kini. Mereka lebih cenderung menguasai kehidupan moden yang dipengaruhi oleh budaya luar. Begitu juga dengan penggunaan bahasa Melayu asli, semakin dipengaruhi dengan leksikal asing dan ciptaan kosa kata sendiri bersumberkan pengamatan persekitaran. Jika dikaitkan ilmu tempatan dan leksikal ilmu tempatan, segelintir remaja tidak memahaminya kerana kurang pengetahuan dan pendedahan. Keadaan ini bertambah rumit apabila ibu bapa generasi muda kini tidak mengimplementasikan penggunaan leksikal tersebut atas faktor tiada keperluan dan berkaitan. Walhal suatu ketika dahulu, sedikit banyak pasti mereka pernah mendengar atau menuturkan kosa kata seperti *tepung pelita*, *epok-epok*, *bengkang*, *lempeng*, (domain makanan tradisional Melayu) *baju Cekak Musang*, *baju Teluk Belanga*, *ketayap*, *kerudung* (domain pakaian tradisional Melayu), *galah panjang*, *konda-kondi*, *tarik upih* (domain permainan tradisional Melayu) dan sebagainya dalam kehidupan seharian. Ilmu tempatan yang semakin jarang ditonjolkan turut mengikis penguasaan leksikal bahasa Melayu asli oleh masyarakat terutamanya remaja. Ilmu tempatan yang diketengahkan dalam kajian ini merangkumi ciri tradisional Melayu iaitu kuih tradisional Melayu. Pemilihan leksikal kuih tradisional Melayu sebagai bidang kajian adalah disebabkan makanan ini merupakan makanan yang biasa dilihat dan dimakan oleh masyarakat negara ini tanpa mengira bangsa dan masih popular hingga ke hari ini.

2. Kajian Lepas

Remaja kini cenderung mengaplikasikan bahasa asing terutama bahasa Inggeris dalam pertuturan seharian berbanding bertutur dengan menggunakan bahasa Melayu sepenuhnya. Sikap dan persepsi remaja terhadap bahasa Melayu begitu pesimis kerana tuntutan keadaan sistem pendidikan sekarang. Menurut Rusmadi Baharuddin (1995), pendidikan yang diterima di sekolah pada hari ini kurang berupaya menjadikan pelajar sebagai warganegara yang menghargai dan membanggakan bahasa Melayu (Nor Hashimah Jalaluddin, Junaini Kasdan, Zaharani Ahmad : 2010:69). Hal ini terjadi signifikan dengan faktor sosial yang melingkungi kehidupan mereka seharian. Kerancuan bahasa juga telah mendominasi bahasa Melayu baku sebenar dan kosa kata bahasa Melayu asli yang semakin luput ditelan zaman. Menurut Madzlina Hj Nordin (2008:33), tidak dapat dinafikan bahawa pengaruh serta kesan aplikasi khidmat pesanan ringkas, e-mel, blog dan sebagainya turut mempengaruhi corak komunikasi dan interaktif masyarakat hari ini, malah telah mewujudkan dimensi baharu kepada gaya dan arah aliran hidup kepada institusi bahasa di negara kita. Berdasarkan dapatan kajian yang dijalankan oleh Raja Yusoff Ariffin (2010:56), penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan pelajar remaja dalam satu-satu aspek masih lemah dan memerlukan perhatian serius. Penulisan penggunaan bahasa rojak, bahasa khidmat pesanan ringkas (sms) dan slanga jelas tergambar daripada pertuturan dan ungkapan remaja dan juga penulisan mereka. Masyarakat khususnya remaja lebih senang menggunakan bahasa pasar, slanga dan mewujudkan istilah dan leksikal tersendiri bagi memudahkan pemahaman dalam komunikasi. Hal ini bertepatan dengan pendapat Tenas Effandy (2008 : 32), awal penggunaan kata berpunca daripada gagasan yang ada dalam fikiran atau perasaan dan hati seseorang. Gagasan, fikiran atau suara hati itu membawa mereka kepada pemilihan kata sebagai simbol yang berlaku, atau isyarat yang lazim dipakai dalam masyarakat untuk melahirkan apa-apa yang ada dalam hati nuraninya. Pemilihan kata menjadi kunci dalam penuturan kerana di situlah terkandungnya beragam makna.

Kekreatifan penutur bahasa Melayu membentuk kosa kata baharu dalam komunikasi menyebabkan semakin banyak leksikal diterima dan digunakan. Perkembangan bahasa Melayu terus rancak dengan penyerapan kosa kata asing dan kewujudan kosa kata baharu sebagai wahana komunikasi hasil daripada perkaitan antara pemikiran

masyarakat dengan persekitaran. Penyerapan leksikal asing menyebabkan pertambahan kosa kata bahasa Melayu dan penggunaannya meluas serta boleh dilihat melalui sistem korpus yang diusahakan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP). Dalam carian konkordans melalui sistem korpus, suatu leksikal itu lebih difahami penggunaannya dalam bentuk sintaksis. Secara tidak langsung, penyerapan bahasa asing dapat memperkaya kosa kata sekali gus membentuk leksikal baharu dan mengukuhkan penggunaannya dalam bahasa Melayu. Sifat bahasa Melayu yang dinamik dan mudah menerima penyerapan leksikal baharu membolehkan bahasa Melayu berkembang dan sesuai mengikut peredaran zaman dan menjadi wahana dalam menyampaikan sesuatu maklumat.

Konsep dunia tanpa sempadan dalam era globalisasi memperlihatkan cabaran yang terpaksa ditempuhi dalam memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan. Dalam perkembangan bahasa Melayu mutakhir ini, penyerapan kosa kata bahasa Inggeris ke dalam bahasa Melayu sukar dikawal seolah-olah didominasi penggunaannya dalam setiap konteks ayat. Proses penyerapan kosa kata asing biasanya berlaku kerana faktor keperluan dan kekurangan istilah untuk mengungkapkan konsep atau idea baharu. Selain itu, perubahan dalam suatu leksikal itu juga dikaitkan dengan faktor persekitaran yang mempengaruhi kognitif manusia.

Menurut Noresah Baharom (1996:485), perubahan leksikal dalam bahasa boleh berlaku sama ada secara bersahaja atau ilmiah, mahupun secara berperancangan atau disengajakan. Lazimnya, perubahan bersahaja atau alamiah berlaku mengikut kekreatifan penutur bahasa tersebut, bersesuaian dengan pola bahasa yang sedia ada, sama ada dari segi morfologi, mahupun fonologi, untuk keperluan mereka berkomunikasi dalam sesuatu situasi secara berkesan. Perubahan jenis ini selalunya berlaku bagi kata umum. Perubahan yang berlaku secara bersahaja biasanya mudah mendapat tempat dalam kalangan masyarakat pengguna bahasa dan dengan itu kekal lama sebagai khazanah tambahan kosa kata bahasa tersebut.

Hal ini jelas menunjukkan bahawa pemilihan kata atau leksikal yang tepat dan mudah menjadikan sesuatu kosa kata yang diserap ke dalam bahasa Melayu itu mungkin disebabkan penutur senang untuk menyebutnya dan perubahan leksikal ini mungkin berlaku secara tidak langsung. Dominasi oleh bahasa lain antara faktor kemasukan kosa kata asing yang diterima pakai oleh masyarakat serta keperluan untuk menerangkan sesuatu idea dan konsep dengan lebih tepat berbanding dengan kata sedia ada atau perbendaharaan kata dalam bahasanya yang sedia ada tidak mencukupi. Perkara inilah yang menjadi ancaman kepada kosa kata bahasa Melayu asli yang beransur-ansur dilupai kerana jarang digunakan atau kurang usaha untuk mengembalikan penggunaan kosa kata tersebut.

Masyarakat kini khususnya remaja jarang memberikan perhatian kepada perkataan atau leksikal bahasa Melayu asli dan lebih cenderung menggantikan leksikal lain untuk mengungkapkan sesuatu. Apabila dianalisis di sebalik penggunaan leksikal bahasa asing dalam beberapa domain ilmu tempatan, wujud perkataan asli dalam bahasa Melayu. Sebagai contoh, perkataan '*radio*' yang merupakan kata pinjaman daripada bahasa Inggeris lebih menjadi pilihan penutur daripada menggunakan bahasa Melayu asli iaitu '*tetuang udara*'. Terdapat juga penggunaan leksikal dalam bahasa Melayu menggantikan suatu kosa kata yang lain, sebagai contoh, nama sejenis kuih '*denderam*' lebih dikenali sebagai '*telinga keling*'. Hal ini berlaku disebabkan perkaitan antara pengamatan masyarakat dengan persekitaran dan pengalaman. Perkara ini boleh menyebabkan sesuatu perkataan asli itu pupus dan hilang ditelan zaman. Crystal (2003) menyatakan bahawa satu punca kepupusan bahasa apabila bahasa itu tidak lagi dituturkan oleh penuturnya. (Dohimbang Bongkihoi 2011:7). Melihat situasi ini dalam kelompok yang lebih kecil, penutur jati bahasa Melayu lebih selesa dengan leksikal baharu yang lebih mudah difahami, senang dituturkan dan melambangkan kemodenan. Ironinya, kosa kata bahasa Melayu yang asli perlu dijejaki akar umbinya agar dapat dimartabatkan kembali. Hal ini pernah dinyatakan oleh S.Nathesan (2008:30), usaha untuk menjejaki sumber atau asas perkataan, merupakan perkara yang cukup menarik dari segi ilmu etimologi. Hal ini demikian kerana pengkaji bidang etimologi Melayu berminat untuk mengetahui sumber bagi perkataan dalam bahasa Melayu atau akar bagi perkataan tersebut. Rentetan daripada senario ini, kajian dijalankan untuk melihat leksikal ilmu tempatan atau tradisional sebagai elemen penting dalam penguasaan remaja kini.

Arus globalisasi menyebabkan banyak leksikal bahasa Melayu asli tidak digunakan dan beransur hilang disebabkan sifat bahasa Melayu itu sendiri iaitu mudah menerima penyerapan kata asing dan pembentukan leksikal baharu. Kerancakan penerimaan serapan kata asing dalam bahasa Melayu menjadikan masyarakat khususnya remaja senang dan mudah memahami istilah, konsep dan idea baharu. Pembaharuan dalam leksikal ini juga berkaitan dengan pengaruh penutur seperti yang dinyatakan oleh Asmah Haji Omar (2004: 67-68), orang-orang yang berwibawa mendatangkan perubahan dalam bahasa, misalnya dari segi kemasukan bentuk-bentuk atau butir-butir baharu atau gaya yang baharu. Jika pembaharuan itu disukai oleh masyarakat semuanya, maka perubahan itu akan

termaktub dalam bahasa berkenaan. Jika tidak, maka pembaharuan itu akan gugur begitu sahaja. Selain itu, hasil kajian Dohimbang (2011) mendapati bahawa implikasi pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris dikatakan menjadi punca menularnya penyerapan kosa kata asing.

Remaja tidak didedahkan dan tidak mengetahui bahawa terdapatnya leksikal bahasa Melayu yang wujud dalam sesuatu domain ilmu tempatan. Salah satu petunjuk berkembangnya sesuatu bahasa Melayu adalah dengan menerima kemasukan leksikal bahasa asing untuk keperluan masyarakat bagi mengungkapkan sesuatu dan memperkasakan bahasa Melayu itu sendiri. Corak komunikasi masyarakat kini terutamanya interaksi antara ibu bapa dengan anak-anak mereka menggunakan bahasa Inggeris yang melambangkan gaya kehidupan lebih prestij. Sedikit banyak faktor ini yang memberi impak kepada remaja untuk tidak menguasai kosa kata bahasa Melayu. Menurut S. Nathesan (2008:31), adakalanya pengguna sesuatu bahasa kerap meminjam sesuatu perkataan kerana soal prestij. Faktor prestij sesuatu bahasa juga seperti bahasa Inggeris menjadikan segelintir masyarakat terutama remaja malu menuturkan bahasa Melayu. Tuntutan zaman yang serba moden dan maju tidak memungkinkan pengguna berkomunikasi menggunakan bahasa Melayu sepenuhnya atas sebab faktor prestij. Tambahan lagi, mereka merasakan bahawa bahasa Melayu asli tidak sesuai digunakan dalam arus kemodenan ini. Lantaran timbulnya permasalahan ini, maka kajian dilakukan untuk mengetahui tahap penguasaan leksikal ilmu tempatan dalam kalangan remaja dan punca ketidakpopularnya.


3. Metodologi

Kajian ini menggunakan kaedah kajian lapangan dengan instrumen berbentuk soal selidik. Data dan maklumat yang diperoleh diproses menggunakan program IBM SPSS versi 21. Data yang ditranskripsikan dianalisis secara kuantitatif dan kualitatif sesuai dengan objektif kajian, dan hasilnya lebih bersifat deskriptif. Instrumen lain yang digunakan ialah ujian Skema Pengecaman Kosa kata atau *Vocabulary Recognition Task* (VRT) untuk melihat tahap penguasaan kosa kata dalam domain kuih tradisional Melayu. Kajian ini turut melibatkan temu bual pelajar dengan menggunakan ujian Skala Ukur Pengetahuan Kosa Kata atau *Vocabulary Knowledge Scale* (VKS). Teori yang digunakan dalam kajian ini ialah teori sosiokognitif yang mengaitkan suasana persekitaran dan hubungannya dengan pemikiran penutur dalam mewujudkan leksikal baharu. Kajian rintis ini melibatkan 30 orang pelajar sebagai responden kajian yang terdiri daripada pelajar tingkatan 4 Pengajian Kejuruteraan Mekanikal 2 di Sekolah Menengah Teknik Tuanku Jaafar, Seremban, Negeri Sembilan. Kajian ini juga mempunyai objektif seperti berikut:

- a) Menentukan tahap penguasaan kosa kata ilmu tempatan dalam kalangan remaja.
- b) Mengenal pasti mekanisme untuk meningkatkan penguasaan leksikal ilmu tempatan dalam kalangan remaja.

4. Analisis dan Perbincangan

Tahap Penguasaan Leksikal Ilmu Tempatan



Rajah 1 : Konsep Teori Sosiokognitif

Kajian awal tentang tahap penguasaan leksikal ilmu tempatan domain kuih tradisional Melayu dalam kalangan remaja adalah berasaskan teori sosiokognitif. Menurut Nor Hashimah Jalaluddin, Junaini Kasdan, Zaharani Ahmad

(2010) istilah sosiokognitif dikemukakan pertama kali oleh Atkinson (2002) berdasarkan keyakinan bahawa bahasa dan pemerolehan bahasa bersifat sosial dan kognitif. Teori ini merupakan penamaan baharu daripada teori kognitif sosial atau teori pembelajaran sosial yang dikembangkan oleh Albert Bandura. Konsep teori sosiokognitif (Rajah 1) menjelaskan bahawa asas kognitif individu dirangsang dengan pemerhatian dan tanggapan kepada pengalaman dan suasana persekitarannya yang memberi impak kepada individu dalam tindakan mereka dan seterusnya mentransformasi pengalaman itu kepada kognitif semula. Dalam hal ini, seseorang individu itu melalui proses belajar dengan mengamati pengaruh lingkungan persekitarannya dan akan mempengaruhi tindakannya. Teori ini juga boleh diimplentasikan dalam pemerolehan dan penguasaan leksikal ilmu tempatan dalam kalangan remaja. Kajian yang bersandarkan kepada teori sosiokognitif ini akan menentukan tahap penguasaan leksikal dalam ilmu tempatan yang terbatas kepada domain kuih tradisional Melayu dan hubung kaitnya dengan faktor persekitaran dalam pemerolehan leksikal baharu serta cara meningkatkan penguasaan leksikal tersebut.

Jadual 1 : Latar Belakang Responden

Kategori	Kekerapan	Peratus
Jantina		
Lelaki	23	76.7
Perempuan	7	23.3
JUMLAH	30	100.0

Jadual 1 menunjukkan profil responden mengikut jantina. Kajian rintis ini melibatkan 23 orang pelajar lelaki (76.7%) dan 7 orang pelajar perempuan (23.3%). Bilangan responden antara lelaki dan perempuan tidak seimbang kerana sekolah ini menawarkan aliran teknikal yang didominasi oleh pelajar lelaki. Hal ini disebabkan faktor minat yang menyebabkan bangsa lain tidak memilih sekolah aliran teknikal untuk menyambung pelajaran di tingkatan empat. Walau bagaimanapun, kajian ini tidak melihat perbezaan penguasaan kosa kata dari segi jantina kerana mengikut teori sosiokognitif, pemerolehan sesuatu leksikal bergantung dengan pengalaman persekitaran responden untuk mewujudkan leksikal baharu atau mengekalkan leksikal yang sedia ada. Daripada dapatan kajian ini, faktor utama yang menyumbang kepada penguasaan leksikal ilmu tempatan dalam kalangan responden ialah latar belakang mereka yang keseluruhannya terdiri daripada bangsa Melayu.

Kajian ini dibataskan kepada leksikal domain kuih tradisional Melayu dalam ilmu tempatan. Leksikal kuih tradisional Melayu diperoleh dengan pelbagai sumber dan berkaitan dengan kebudayaan bangsa Melayu. Umum mengetahui kuih tradisional Melayu merupakan sajian makanan Melayu yang bertahan hingga kini dan memenuhi cita rasa masyarakat Malaysia. Pemilihan kuih tradisional Melayu sebagai domain kajian ini merangkumi kuih yang biasa terdapat di semua negeri dan tidak termasuk kuih tradisional yang hanya dikenali di tempat tertentu sahaja. Pengkaji membataskan kajian untuk mengetahui tahap penguasaan remaja hanya dalam domain kuih tradisional sahaja kerana kuih-muih ini selalu dilihat dan dimakan pada setiap hari oleh remaja berbanding dengan skop makanan tradisional Melayu yang lebih luas dan popular pada hari perayaan sahaja. Hal ini menyumbang kepada pemikiran remaja berdasarkan pemerhatian dan pengalaman mereka seperti yang ditekankan oleh Albelt Bandura dalam teori sosiokognitifnya.

Jadual 2 : Menguasai 30 atau lebih nama kuih tradisional Melayu

Reaksi	Kekerapan	Peratus
Sangat tidak setuju	2	6.7
Tidak setuju	12	40.0
Tidak pasti	11	36.7
Setuju	4	13.3
Sangat setuju	1	3.3
JUMLAH	30	100.0

Remaja yang membesar dalam arus globalisasi kini dikhuatiri tidak mengenali jenis kuih tradisional Melayu kerana kurang pendedahan dan lebih terarah kepada makanan barat yang lebih memenuhi cita rasa. Daripada senarai nama kuih tradisional Melayu, pengkaji mendapati bahawa lebih 30 nama kuih tradisional Melayu dijadikan rujukan kajian bagi mengenal pasti tahap penguasaan leksikal remaja dalam domain kuih tradisional Melayu. Kajian mendapati bahawa hanya 5 orang responden (16.6%) sahaja yang menguasai 30 atau lebih nama kuih tradisional Melayu. 11 orang responden (36.75) memilih jawapan tidak pasti. Hal ini disebabkan responden tidak mengetahui untuk mengelaskan nama kuih yang diketahui mereka dalam kelompok jenis tradisional Melayu atau tidak, manakala 46.7% kekerapan responden memilih kelompok jawapan tidak setuju bahawa mereka tahu atau menguasai 30 atau lebih nama kuih tradisional Melayu. Kekurangan responden dalam menguasai nama kuih tradisional Melayu dapat dijangka kerana hasil temu bual dengan beberapa responden yang dipilih secara rawak, didapati mereka kurang arif dengan nama kuih tradisional berbanding makanan lain terutamanya yang berasal dari barat. Terdapat juga responden yang menggunakan mekanisme bukan linguistik dalam mendapatkan kuih tradisional Melayu yang digemari. Hasil kajian menunjukkan tahap penguasaan leksikal dalam domain kuih tradisional Melayu oleh responden boleh dikategorikan lemah dan masih ada yang tidak pasti dengan nama kuih tradisional Melayu.

Ujian Skema Pengesanan Kosa kata atau *Vocabulary Recognition Task* (VRT) digunakan untuk menentukan tahap penguasaan kosa kata dalam domain kuih tradisional Melayu secara terperinci oleh responden sama ada tahap baik, sederhana, atau lemah. Menurut Stahl (2008), ujian VRT merupakan skema penilaian tertutup berasaskan guru yang digunakan untuk membuat pengesanan kosa kata dalam bidang-bidang terpilih. Dalam ujian VRT ini, responden telah diberikan senarai kosa kata yang terdiri daripada 15 nama kuih tradisional Melayu dan dicampurkan dengan kosa kata lain yang mengelirukan dalam satu jadual. Responden diminta memilih dan menandakan jawapan yang tepat. Formula untuk mengira penguasaan kosa kata ini ; jawapan yang betul – jawapan yang tidak tepat (tekaan). Jadual 3 di bawah merupakan interpretasi skor markah untuk mengkategorikan tahap penguasaan kosa kata responden. Markah 11-15 merujuk kepada tahap penguasaan baik, 6-10 markah penguasaan sederhana dan 1-5 markah penguasaan lemah.

Jadual 3 : Interpretasi Skor Markah

MARKAH	TAHAP PENGUASAAN KOSA KATA
11 - 15	BAIK
06 - 10	SEDERHANA
01 - 05	LEMAH

Setelah ujian disemak dan markah dikumpul, analisis keseluruhan skor untuk menentukan tahap penguasaan kosa kata responden adalah seperti Jadual 4.

Jadual 4: Analisis Tahap Penguasaan Kosa Kata Kuih Tradisional Melayu

Tahap Penguasaan Kosa Kata	Kekerapan	Peratus
Baik	5	16.7
Sederhana	21	70.0
Lemah	4	13.3
JUMLAH	30	100.0

Analisis menunjukkan majoriti 21 orang responden (70.0%) berada pada tahap penguasaan kosa kata yang sederhana. Seramai 5 orang responden (16.7%) berada pada tahap penguasaan kosa kata yang baik dan selebihnya 4 orang responden (13.3%) berada pada tahap penguasaan kosa kata yang lemah. Data dan analisis membuktikan bahawa tahap penguasaan kosa kata responden dalam leksikal domain kuih tradisional Melayu berada pada tahap sederhana dan perlu diberikan pendedahan tentang kewujudan kuih tradisional Melayu ini. Dapatan ini juga menunjukkan responden kajian kebanyakannya masih mengenali kuih tradisional Melayu yang menjadi juadah

mereka. Hal ini dapat dilihat melalui analisis setiap jenis kuih melalui ujian pengecaman kosa kata kuih tradisional Melayu seperti Jadual 5.

Jadual 5 : Analisis Ujian Pengecaman Kosa Kata Kuih Tradisional Melayu

Kuih tradisional Melayu	Kekerapan				Jumlah
	Ya	%	Tidak	%	
Epok-epok	11	36.7	19	63.3	30
Bingka	26	86.7	4	13.3	30
Keria	23	76.7	7	23.3	30
Badak Berendam	28	93.3	2	6.7	30
Lopes	20	66.7	10	33.3	30
Bahulu	28	93.3	2	6.7	30
Tapai	15	50.0	15	50.0	30
Ketayap	20	66.7	10	33.3	30
Dodol	27	90.0	3	10.0	30
Seri Muka	27	90.0	3	10.0	30
Wajik	26	86.7	4	13.3	30
Denderam	4	13.3	26	86.7	30
Belebat	1	3.3	29	96.7	30
Lompang	9	30.0	21	70.0	30
Koci	29	96.7	1	3.3	30

Jadual 5 menunjukkan dapatan dalam analisis ujian pengecaman kosa kata kuih tradisional Melayu. Sebanyak 15 nama kuih tradisional Melayu diketengahkan untuk pengecaman kosa kata oleh responden. Dapatan kajian memperlihatkan majoriti jawapan responden tidak tepat bagi nama kuih *epok-epok* (*karipap*) iaitu 19 orang responden (63.3%), *denderam* 26 orang responden (86.7%), *belebat* 29 orang responden (96.7%) dan *lompang* 21 orang responden (70.0%). Kekerapan yang tinggi dalam pemilihan jawapan yang kurang tepat bagi jenis kuih ini berpunca daripada pelbagai faktor. Antaranya, penyerapan bahasa asing iaitu *curry puff* untuk *karipap* dan kosa kata ini diterima pakai sejak dahulu lagi berbanding asal nama *karipap* yang sebenar iaitu *epok-epok*. 86.7% responden menamakan semula kuih *denderam* sebagai *telinga keling* berdasarkan ciri instrinsik yang mencakupi bentuk fizikal kuih yang menyerupai telinga dan warnanya yang hitam melalui pengamatan mereka terhadap warna kulit orang India. Pembentukan kata berdasarkan ciri fizikal juga lazim dalam bahasa Melayu, contohnya *jambu batu* (jambu yang keras seperti batu), dan *lenggang kangkung* (pergerakan kangkung berayun-ayun yang lemah lembut). Satu dapatan baharu iaitu 70.0% responden tidak menyatakan bahawa kuih *lompang* itu merupakan kuih tradisional Melayu disebabkan pengaruh loghat atau dialek Negeri Sembilan yang merujuk kepada semantik bagi kata [*lom.pang*] yang bermaksud tamparan atau pukul dengan menggunakan tangan. Seterusnya, kuih *belebat* juga tidak biasa didengar oleh responden dan mungkin disebabkan faktor kenegerian. Responden lebih mengenali kuih *belebat* sebagai *lepat*. Responden menunjukkan tahap pengecaman yang tinggi bagi kuih yang lain seperti *koci* 29 orang responden (96.7%), *bahulu* dan *badak berendam* 28 orang responden (93.3%), *dodol* dan *seri muka* 26 orang responden (86.7%) kerana mereka biasa membeli atau melihat kuih tersebut dalam lingkungan persekitaran mereka. Hal ini mengukuhkan dapatan teori sosiokognitif yang menghubungkan pemikiran dengan persekitaran responden.

Bagi mengukur tahap pengetahuan kosa kata responden, ujian Skala Ukur Pengetahuan Kosa Kata atau *Vocabulary Knowledge Scale* (VKS) telah digunakan. VKS merupakan penilaian lapor-kendiri berasaskan tahap penguasaan pembelajaran leksikal oleh Dale (1965). (Stahl & Bravo 2010). Kaedah ini sangat berguna dalam mengenal pasti tahap penguasaan kosa kata secara objektif dan merangkumi tindak balas cepat oleh responden terhadap perkataan sasaran. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa responden yang ditemu bual menggambarkan perihal kuih tradisional yang tidak tepat dengan nama kuih tradisional Melayu yang disebut oleh pengkaji. Walau bagaimanapun, dalam kelompok responden yang kesemuanya berbangsa Melayu, tidak sukar untuk menilai


pengetahuan kosa kata mereka dalam mengenali nama kuih tradisional Melayu kerana faktor bangsa, budaya dan persekitaran yang sangat membantu. Dalam ujian VKS ini, responden diminta menggambarkan dan menceritakan ciri intrinsik dan ekstrinsik kuih tradisional Melayu yang dipilih secara rawak dan hanya disebut nama kuih sahaja bagi menguji penguasaan leksikal responden. Melalui analisis ujian ini, kajian mendapati pengalaman dan persekitaran responden memainkan peranan penting dalam penguasaan leksikal mereka.

Jadual 6 : Contoh Skala Ukur Pengetahuan Kosa Kata (VKS)

Responden	Kosa kata yang disebut (nama kuih)	Nama lain	Ciri kuih	Warna	Rasa	Proses pembuatan
R1	Ketayap	Kuih <i>gulung</i> Kuih <i>hijau</i>	panjang lekit berinti	hijau	manis	lempeng, letak inti, digulung
R2		Kuih <i>bantal peluk</i>	panjang bergulung lembik	Hijau / putih	manis	goreng, letak inti, digulung
R3		Kuih <i>ketayap</i>	panjang inti kelapa	hijau	manis	dilayang nipis dalam kualiti, letak inti, digulung

Sebagai contoh dalam ujian VKS (Jadual 6) , pengkaji menyebut kosa kata *ketayap* kepada responden. Tindak balas yang diberikan oleh responden R1 dan R2 ialah memberi nama lain bagi kuih *ketayap* iaitu kuih *gulung*, kuih *hijau* dan kuih *bantal peluk*. Manakala R3 masih mengekalkan panggilan nama kuih *ketayap*. Ciri intrinsik kuih ini membawa hubung kait pengamatan responden dengan persekitarannya seterusnya kognitif bertindak memproses leksikal baharu. R1 dan R2 menggambarkan bentuk kuih yang bergulung dan menyerupai bantal peluk. Selain itu, ketiga-tiga responden menguasai ciri intrinsik dan ekstrinsik kuih *ketayap* iaitu berwarna hijau, rasa manis, bentuknya panjang, lekit dan berinti. Responden menguasai ciri intrinsik kuih *ketayap* kerana sering melihat kuih ini, memakannya dan pernah melihat proses pembuatannya. Hal ini membuktikan bahawa hubung kait tiga elemen utama dalam teori sosiokognitif iaitu timbal balik antara pemikiran, pemerhatian dan persekitaran.

Tahap penguasaan kosa kata dalam domain kuih tradisional Melayu ini sebenarnya dibantu oleh beberapa faktor yang melingkungi kehidupan responden. Secara keseluruhan, 30 orang responden (100%) menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pertuturan utama di luar rumah dan di rumah. Latar belakang pelajar yang berbangsa Melayu dan sememangnya berkomunikasi dalam bahasa Melayu menjadi faktor kepada penguasaan berbahasa kerana mereka terdiri daripada penutur jati. Responden menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pertuturan utama dalam berinteraksi sesama mereka, keluarga, sekolah dan masyarakat. Selain itu, pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu di kelas membantu responden meningkatkan kemahiran berbahasa dan pemahaman mereka terhadap mata pelajaran bahasa Melayu. Walau bagaimanapun, dalam komunikasi seharian, responden tidak menggunakan sepenuhnya bahasa Melayu. Responden mengakui bahawa mereka mencampuradukkan bahasa dan menggunakan bahasa slanga apabila berinteraksi dengan rakan-rakan. Hal ini disebabkan oleh komunikasi yang lebih mesra dan berkesan dalam situasi tidak formal.



Rajah 2 : Gaya Komunikasi Responden

Rajah 2 menunjukkan gaya komunikasi responden apabila berkomunikasi dalam bahasa Melayu. Dapatan kajian menunjukkan bahawa 88.7% orang responden bersetuju dengan mencampuradukkan bahasa apabila bertutur. Penggunaan bahasa dalam komunikasi selalunya mengikut situasi sama ada secara formal atau tidak formal. Tambahan lagi, penggunaan bahasa Inggeris secara meluas dalam institusi pendidikan implikasi daripada pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris (PPSMI) suatu ketika dahulu membawa tabii kepada pelajar untuk mencampuradukkan bahasa apabila bertutur. Hal ini jelas mengukuhkan perspektif bahasa Melayu yang mengalami perubahan dalam bahasa akibat penyerapan kosa kata asing mengikut kesesuaian penutur terutama dalam kalangan remaja sekolah. Selain itu, latar belakang responden yang mempunyai tahap akademik yang baik (kemasukan ke sekolah teknik memerlukan minuman 5A dalam PMR) memungkinkan responden menggunakan pencampuran bahasa dalam komunikasi sebagai trend.

Kajian mendapati bahawa 60% orang responden menyatakan pendirian mereka yang positif dalam menggunakan bahasa slanga apabila bertutur, namun terdapat juga responden yang tidak bersetuju menggunakan bahasa slanga apabila bertutur iaitu 36.7%. Penggunaan bahasa slanga atau kata-kata yang tidak tergolong dalam bahasa Melayu baku yang biasanya digunakan oleh remaja terutamanya ada signifikan dengan kelompok pergaulan mereka. Terdapat bahasa slanga yang hanya difahami oleh kelompok responden sahaja dalam penciptaan leksikal baharu berdasarkan pengalaman dan pemerhatian mereka. Seterusnya memberikan tindak balas pengukuhan dalam kognitif mereka. Dapatan ini menyokong teori sosiokognitif yang menjelaskan bahawa faktor sosial dan kognitif serta faktor pelaku (responden) memainkan peranan penting dalam penciptaan leksikal baharu yang mengikut pemahaman pelaku.

Jadual 7 : Latar Belakang Pendidikan Ibu Bapa Responden


Latar belakang	Sekolah menengah		Kolej / Maktab		Universiti	
	K	%	K	%	K	%
ibu	15	50.0	7	23.3	8	26.7
bapa	14	46.7	5	16.7	11	36.7

Turut menyumbang kepada dapatan kajian ini ialah latar belakang pendidikan ibu atau bapa responden (seperti dalam Jadual 7). Latar belakang pendidikan ibu atau bapa responden yang berpendidikan sekolah menengah menunjukkan kekerapan yang tinggi berbanding ibu atau bapa responden yang pendidikan dari kolej atau maktab dan universiti. Kajian mendapati seramai 15 orang ibu responden (50%) dan 14 orang bapa responden (46.7%) berpendidikan sekolah menengah. Melalui hasil temu bual secara rawak bersama tiga responden yang mempunyai latar belakang pendidikan ibu atau bapanya berpendidikan sekolah menengah, jelas menunjukkan responden ini lebih menguasai kosa kata ilmu tempatan berbanding dengan responden yang mempunyai ibu atau bapa berpendidikan dari universiti. Faktor ini boleh dihubungkan dengan sosial responden dan keluarga mereka yang berasal dari luar bandar dan pinggir bandar dan terdedah dengan unsur ilmu tempatan berbanding responden yang menetap di bandar. Penerimaan unsur ilmu tempatan dalam pemikiran mereka adalah disebabkan persekitaran semula jadi responden melalui satu proses pemerhatian dalam pengalaman kehidupan seharian mereka kerana ilmu tempatan sangat sinonim dengan kehidupan di luar bandar dan pinggir bandar. Proses pemerhatian inilah yang akan merangsang kognitif untuk menghasilkan kosa kata baharu atau menggunakan kosa kata ilmu tempatan yang sememangnya sudah wujud bagi pertuturan. Selain itu, komunikasi responden lebih luas dalam meningkatkan penguasaan ilmu tempatan terutama dalam domain kuih tradisional Melayu kerana terdapat ahli keluarga mereka yang berusia dan lebih tahu mengenai kuih tradisional serta kosa kata bahasa Melayu asli yang masih digunakan.

Profesion ibu bapa responden yang berpendidikan tinggi kurang terlibat dengan penggunaan kosa kata ilmu tempatan dan ilmu tempatan itu sendiri. Hal ini disebabkan corak kehidupan mereka terutama yang mendiami bandar tidak membantu mereka untuk memperkenalkan leksikal ilmu tempatan kepada anak-anak. Dapatan temu bual dalam kajian ini, segelintir ibu bapa yang berpendidikan tinggi kurang menekankan, mendedahkan atau menerangkan ilmu tempatan kepada anak-anak mereka. Kesibukan bekerja menyebabkan kurang interaksi antara ibu bapa dan anak-anak. Tambahan pula, dengan ledakan teknologi maklumat kini, hubungan kekeluargaan semakin jauh dengan keselesaan melayari internet melalui peralatan elektronik seperti telefon pintar, *ipad*, *laptop* yang akhirnya menjadikan individu yang antisosial. Selain itu, faktor sosial di bandar lebih menuntut kemodenan dan berprestij yang menyebabkan soal penguasaan ilmu tempatan dan leksikal ilmu tempatan terpinggir daripada kotak pemikiran mereka. Konklusinya, responden yang menetap di bandar lebih terarah kepada pengalaman hidup yang lebih moden dan pengaruh budaya barat dalam era globalisasi ini.

Mekanisme Untuk Meningkatkan Penguasaan Leksikal Ilmu Tempatan

Objektif yang kedua menjawab mekanisme yang boleh digunakan untuk meningkatkan penguasaan leksikal ilmu tempatan dalam kalangan remaja. Pelbagai cara dan sumber boleh diimplementasikan untuk membantu responden mengetahui dan meningkatkan penguasaan leksikal ilmu tempatan dalam domain kuih tradisional Melayu. Konsep dunia tanpa sempadan dengan perkhidmatan jalur lebar mampu membuka minda masyarakat untuk meningkatkan penguasaan leksikal ilmu tempatan khususnya dalam kalangan bangsa Melayu sendiri.



Rajah 3 : Sumber Untuk Mengetahui Kos Kata Ilmu Tempatan

Dapatan kajian menunjukkan bahawa responden menjadikan pelbagai medium untuk mengetahui kos kata ilmu tempatan. Seramai 11 orang responden (36.7%) sangat setuju dan 15 orang responden (50.0%) setuju menjadikan media elektronik seperti televisyen, radio dan internet sebagai sumber untuk mengetahui kos kata ilmu tempatan berbanding 4 orang responden (13.3%) yang tidak setuju dengan sumber ini. Penggunaan media cetak sebagai wahana juga memperlihatkan hampir kesemua responden bersetuju dengan merujuk media cetak, mereka dapat mengetahui kos kata ilmu tempatan iaitu kekerapan 9 orang responden (30.0%) sangat setuju dan 20 orang responden (66.7%) bersetuju. Selain itu, responden bersetuju dengan sumber untuk mengetahui kos kata ilmu tempatan melalui pengajaran dan pembelajaran di sekolah iaitu 29 orang responden (96.7%).

Faktor persekitaran juga turut menyumbang kepada pemerolehan kos kata ilmu tempatan dalam kalangan remaja iaitu seramai 24 orang responden (80.0%) memilih skala sangat setuju dan setuju. Hal ini menunjukkan bahawa pelbagai medium boleh menyumbang dan membantu remaja dalam mengetahui kos kata ilmu tempatan. Pendedahan ilmu tempatan oleh pihak sekolah melalui pengajaran dan pembelajaran sangat membantu remaja dalam memahami ilmu tempatan dan leksikalnya. Responden yang menggunakan media massa sebagai bahan rujukan dan bacaan dapat memberi implikasi yang positif dalam meningkatkan pengetahuan dan pemahaman remaja terhadap kos kata ilmu tempatan melalui bahan-bahan karya berkaitannya. Faktor persekitaran juga menjadi sumber pengetahuan kepada remaja untuk mengetahui kos kata ilmu tempatan. Hal ini dapat dijelaskan melalui pengamatan dan pengalaman remaja dalam kehidupan bermasyarakat, berkawan dan hubungan manusia dengan alam. Dapat disimpulkan bahawa faktor kognitif memproses hasil cakupan pengamatan dan penerimaan remaja terhadap persekitarannya. Penjelasan ini sejajar dengan teori pembelajaran sosial yang dikembangkan oleh Albert menjadi teori sosiokognitif yang seterusnya mengaitkan pemikiran dengan persekitaran.

Kajian juga mendapati bahawa responden memberikan reaksi positif iaitu 22 orang responden (73.3%) berminat untuk mengetahui kos kata bahasa Melayu dalam ilmu tempatan. Pengkaji melihat senario ini berlaku hasil daripada ujian skala ukur pengetahuan kos kata (VKS) dan ujian skema pengecaman kos (VRT) yang dilakukan sebelum responden menjawab soal selidik. Hal ini menyebabkan responden teruja dan ingin mengetahui lebih lanjut leksikal ilmu tempatan dalam suatu domain.

Jadual 8 : Peratusan Cara Penguasaan Kos Kata Domain Kuih Tradisional


Cara penguasaan kos kata domain kuih tradisional	% Kekerapan				
	STS	TS	TP	S	SS
melalui pembacaan.	0	26.7	3.3	30.0	40.0
melalui komunikasi.	0	3.3	6.7	40.0	50.0
merujuk orang sekeliling untuk mengetahui nama kuih.	0	10.0	0	43.3	46.7
memberi nama kuih mengikut pemahaman sendiri.	16.7	40.0	6.7	23.3	13.3
menunjuk ke arah kuih tradisional Melayu itu jika mahu membelinya kerana tidak tahu namanya.	13.3	30.0	6.7	26.7	23.3
pendedahan dan penerangan daripada ibu bapa.	0	6.7	13.3	43.3	36.7
menggunakan kos kata asing untuk menamakan suatu jenis kuih tradisional Melayu.	23.3	60.0	6.7	6.7	3.3

Merujuk kepada Jadual 8, responden menggunakan pelbagai kaedah untuk meningkatkan penguasaan kos kata atau nama kuih tradisional Melayu. Majoriti responden memilih cara penguasaan melalui komunikasi dan merujuk orang sekeliling untuk mengetahui nama kuih tradisional Melayu iaitu 27 orang responden (90%). Responden juga mendapat pendedahan dan penerangan tentang kuih tradisional Melayu melalui ibu bapa iaitu 24 orang responden (80%). Senario ini menunjukkan bahawa hubungan interaksi boleh meningkatkan pengetahuan dalam penguasaan leksikal kuih tradisional seterusnya mengenali jenis kuih tradisional Melayu. Remaja memerlukan input daripada orang lain yang lebih berpengalaman dan dapat memberi gambaran dalam kognitif mereka berkaitan suatu kos kata

dalam penguasaan leksikal ilmu tempatan. Penyampaian maklumat daripada seseorang merupakan satu cara untuk membantu remaja menguasai kos kata dan cara ini memang menjadi pilihan responden dalam kajian ini.

Responden menjadikan pembacaan sebagai medium untuk meningkatkan penguasaan kos kata domain kuih tradisional iaitu 21 orang responden (70%). Remaja menggunakan pelbagai bahan ilmiah dan media massa untuk mengetahui leksikal domain kuih tradisional. Tidak dapat dinafikan, faktor pembelajaran di sekolah menyumbang kepada penguasaan kos kata melalui pembacaan. Selain itu, terdapat 15 orang responden (50%) menggunakan kaedah bukan linguistik dalam mendapatkan kuih tradisional daripada penjual. Kajian mendapati responden ini sukar dan mengalami kesulitan untuk menyebut nama kuih tetapi responden mengetahui bahawa kuih tersebut mempunyai rasa yang enak dan menyukainya. Hal ini disebabkan responden tidak peka serta mengambil sikap endah tidak endah tentang nama kuih tersebut dan menganggap tidak penting untuk menguasai leksikal tersebut. Sikap responden ini memberi implikasi kepada pengetahuan mereka yang cetek dalam penguasaan ilmu tempatan.

Namun, kajian ini mendapati 50.7% responden tidak bersetuju menggunakan leksikal sendiri atau memberi nama kuih mengikut pemahaman sendiri walaupun 36.6% responden menyetujui cara ini. Dapatan ini disebabkan responden merupakan pelajar sekolah dan terdedah dengan maklumat serta pengetahuan yang berkaitan. Jelasnya, responden sangat berhati-hati dalam memberi nama kuih mengikut pemahaman sendiri dan dikhuatiri menimbulkan ketidakfahaman kepada orang lain. Seramai 11 orang responden (36.6%) menyetujui penggunaan leksikal sendiri atau memberi nama kuih mengikut pemahaman sendiri. Senario ini berlaku berdasarkan pengamatan responden mengenai ciri intrinsik dan ekstrinsik kuih tradisional tersebut yang memberi responden idea untuk mencipta leksikal sendiri. Hal ini menyumbang kepada berkembangnya bahasa *slanga* yang digunakan dan difahami oleh kelompok remaja sahaja. Penggunaannya yang meluas dan biasa didengar menjadikan leksikal tersebut difahami oleh masyarakat sekitar. Sebagai contoh, kuih lapis yang berbelang putih dan merah telah menimbulkan ciptaan leksikal baharu dalam kalangan remaja dengan memberikan gelaran nama kuih *rumah flat* atau kuih *bendera Malaysia*. Rajah 4 menunjukkan kitaran penciptaan leksikal baharu bagi *kuih lapis*. Bermula dengan pemikiran individu apabila melihat rupa bentuk kuih, memberikan satu tanggapan dengan menyamakan pengalaman mereka melihat rumah flat atau bendera Malaysia. Seterusnya, memberikan refleksi kepada kognitif untuk pembentukan leksikal baharu seperti yang disungguhkan dalam teori sosiokognitif bahawa individu belajar dalam keadaan atau lingkungan persekitaran yang sebenarnya.



Rajah 4 : Contoh Ciptaan Leksikal Baharu

Hampir kesemua responden iaitu 25 orang (73.3%) tidak menyetujui menggunakan kosa kata asing untuk menamakan suatu jenis kuih tradisional Melayu. Dapatan ini menunjukkan bahawa remaja masih memelihara leksikal bahasa Melayu dalam menamakan suatu jenis kuih tradisional Melayu. Hal ini mungkin disebabkan tiada istilah atau kosa kata asing yang boleh memberi maksud yang sama seperti leksikal bahasa Melayu. Sebagai contoh, kosa kata asing yang sudah kukuh penggunaannya dan diterima pakai seperti *karipap* yang asalnya daripada kosa kata asing *curry puff*. Jika dianalisis leksikal bahasa Melayu asli bagi kuih *karipap* ini, asalnya perkataannya dalam bahasa Melayu asli ialah *epok-epok* yang telah pupus penggunaan kosa katanya dalam zaman ini.

Jadual 9 : Berminat Mengetahui Nama Kuih Tradisional Melayu

Reaksi	Kekerapan	Peratus
Sangat setuju	21	70.0
Setuju	7	23.3
Tidak pasti	0	0
Tidak setuju	1	3.3
Sangat tidak setuju	1	3.3
JUMLAH	30	100.0

Kajian ini juga bertujuan untuk melihat penerimaan responden sama ada berminat untuk mengetahui nama kuih tradisional Melayu. Merujuk kepada Jadual 9, kajian mendapati bahawa 28 orang responden (93.3%) menunjukkan sikap yang positif dan berminat untuk mengetahui nama kuih tradisional Melayu. Dapatan kajian memperlihatkan responden memerlukan pengetahuan dan pendedahan berterusan untuk mendalami penguasaan ilmu tempatan dan leksikal ilmu tempatan. Sikap remaja yang penuh dengan sifat ingin tahu mendorong mereka untuk mengetahui nama kuih tradisional Melayu selain faktor ilmu pengetahuan. Sikap responden yang teruja apabila diminta menjawab soal selidik serta ujian menggambarkan sikap ingin tahu mereka terhadap dapatan kajian ini. Hal ini juga menunjukkan remaja sekarang masih menggemari kuih tradisional walaupun banyak pilihan makanan lain terutama dari barat. Faktor ini mungkin disebabkan sajian kuih tradisional ini boleh didapati setiap hari dan di mana-mana sahaja dengan kos yang murah. Selain itu, kebolehan dalam kalangan ahli keluarga responden dalam pembuatan kuih tradisional Melayu menyumbang kepada dapatan ini.

5. Kesimpulan

Perkembangan bahasa Melayu sejajar dengan zamannya, namun satu perkara yang harus dilakukan iaitu memartabatkan kembali ilmu tempatan dalam kalangan masyarakat terutama remaja. Dengan pendedahan ilmu tempatan kepada remaja, secara tidak langsung akan meningkatkan mutu penguasaan leksikal ilmu tempatan yang semakin luntur akibat pembentukan leksikal baharu yang diserap daripada bahasa asing dan kreatifan penutur mencipta leksikal baharu mengikut pemahaman sendiri. Kepesatan menerima leksikal asing ini bagi menggantikan kosa kata yang sedia ada dalam bahasa Melayu memperlihatkan sikap acuh tidak acuh dan tiada jati diri masyarakat kita dalam memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan.

Dalam konteks ilmu tempatan terutama kuih tradisional Melayu, penguasaan sesuatu leksikal itu sangat berkait rapat dengan faktor pengalaman dan persekitaran remaja. Melalui pemerhatian dan asas kognitif akan memberi tindakan pengukuhan kepada pembentukan leksikal baharu atau menggunakan leksikal sedia dalam bahasa Melayu asli. Remaja juga perlu menguasai leksikal ilmu tempatan kerana dikhuatiri kepupusan leksikal dalam ilmu ini akan merugikan generasi yang lahir dalam zaman pascamerdeka yang semakin menuju kemodenan. Selain itu, kurangnya pendedahan dan pengetahuan tentang ilmu tempatan boleh menyebabkan domain tradisional Melayu lenyap ditelan zaman dan tidak dapat diwarisi oleh generasi muda. Konklusinya, pembelajaran melalui pengamatan persekitaran seperti yang diterapkan dalam teori sosiokognitif ini memberikan implikasi kepada penguasaan ilmu tempatan dan leksikal ilmu tempatan dalam kalangan remaja.

Rujukan

- Asmah Haji Omar. (2004). *Penyelidikan, Pengajaran dan Pemupukan Bahasa*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Awang Sariyan. (2007). Utusan online. (Atas Talian). Telah dimuat turun 28 Ogos 2007 dari <http://www.utusan.com.my/> .
- Dohimbang Bongkihoi. (2011). *Implikasi Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik Dalam Bahasa Inggeris Terhadap Penggunaan Istilah Sains dalam Bahasa Malaysia*. Serdang : Universiti Putra Malaysia.
- Madzlina Hj Nordin.(2008). *Media Alternatif Rakan Baharu Bahasa* dalam Dewan Bahasa. November 2008 halaman 33. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nathesan S .(2008). *Sumber Kata Bahasa Malaysia* dalam Dewan Bahasa. Ogos 2008. Halaman 30-32.
- Noresah Baharom.(1996). *Perubahan dan Inovasi Leksikal dalam Bahasa Melayu : Unsur Penerimaan dan Kelangsungan Hidup* dalam Kumpulan Kertas Kerja Jilid II Kongres Bahasa melayu Sedunia. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka. (hlm 484-501)
- Nor Hashimah Jalaluddin, Junaini Kasdan, Zaharani Ahmad .(2010). *Sosisokognitif Pelajar Remaja terhadap Bahasa Melayu* dalam GEMA Journal of Language Studies. Volume (10(3) 2010)
- Raja Yusoff Ariffin .(2010). *Remaja Lemah Bahasa Melayu?*. Dewan Bahasa. Jun 2010. Halaman 56. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Stahl, K.A.D. (2008). *The Effects Of Three Instructional Methods On The Reading Comprehension And Content Acquisition Of Novice Readers*. Journal of Literacy Research, 40(3), 359–393. doi:10.1080/10862960802520594
- Stahl, K.A.D, & Bravo, M.A. (2010). *Contemporary Classroom Vocabulary Assessment for Content Areas*. The Reading Teacher, 63(7), 566-578. doi:10.1598/RT.63.7.4
- Tenas Effendy. (2008). *Kearifan Orang Melayu Berbahasa* dalam Syarahan Raja Ali Haji. Anjuran Persatuan Linguistik Malaysia dan Dewan Bahasa dan Pustaka.